



KOSMO, Malaysia

23 Nov 2015, by

Business & Finance, page 51 - 317.00 cm²

Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 208,331
(MTWTF)

ID 502006393

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

MSM Perlis tingkat kapasiti kilang

KUALA LUMPUR — MSM Perlis Sdn. Bhd. (MSM Perlis) bakal memperuntukkan perbelanjaan modal antara RM15 juta hingga RM20 juta setiap tahun bagi perbelanjaan modal meningkatkan operasi mesin di kilangnya yang terletak di Chuping Perlis.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ismail Samru berkata, sebahagian daripada pelaburan itu bertujuan untuk membeli mesin bertenologi tinggi seiring dengan usaha syarikat untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran kilangnya yang memproses gula mentah kepada gula bertapis.

Syarikat yang dulunya dikenali sebagai Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd. itu memiliki kapasiti pengeluaran sebanyak 200,000 metrik tan pada tahun ini dan optimis untuk meningkatkan nilai berkenaan kepada 300,000 metrik tan pada masa depan.

"Kami perlu memberi keutamaan untuk mengelakkan momentum kapasiti pengeluaran pada masa ini, namun dalam menghadapi situasi kos yang semakin meningkat, kami perlu menambah kapasiti pengeluaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena kunjungan media ke kilang MSM Perlis baru-baru ini.

Kilang yang berusia 44 tahun itu telah memulakan operasi penapisan gula mentah pada tahun 1981 dengan kapasiti pengeluaran awalnya sebanyak 500 tan sehari dan bertambah kepada 600 tan sehari pada tahun 2005.

Bagaimanapun pada bulan April 2012, kilang tersebut menamatkan operasi penapisan gula mentah daripada tebu sempena peralihan kepada teknologi moden.

Syarikat kemudian memproses gula mentah yang diimport dari luar negara seperti Brazil dan Thailand.

Ketika itu, ladang tebu seluas hampir 4,000 hektar di sekeliling kilang tersebut memukau pemandangan setiap pengunjung di negeri Perlis.

Namun, sejak tahun 2013, penanaman tebu telah dihentikan dan ia ditukarkan kepada penanaman pokok getah kerana ketika itu, tanaman tersebut berpotensi menjana pendapatan yang lebih baik, selain tanaman mangga harumanis di tanah seluas 11 hektar yang bakal dituai pada tahun hadapan.

Jelas Ismail, terdapat lebih daripada 400 hektar daripada baki kawasan tersebut masih belum diteroka untuk membolehkan syarikat membuat kajian bagi tanaman bersesuaian dan berpotensi.



ISMAIL (tengah) bersama Ketua Jabatan Pengeluaran, Osman A. Karim (kanan) dan Ketua Jabatan Komersial, Badrul Bakar menunjukkan produk hasil kilang, Gula Prai di kilang MSM Perlis di Chuping baru-baru ini.